
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Welcome to the Official Port

[Home](#) [About SSM](#) [Services](#) [Legal Framework](#) [Publication](#) [Gallery](#) [Career](#)

Home »
BUSINESS ADVISOR OF
MEGAHERBS BIOEXTREME
CHARGED UNDER THE
COMPANIES ACT 1965 FOR
OFFERING ILLEGAL
INVESTMENT SCHEME TO
THE PUBLIC

SHARE

BUSINESS ADVISOR OF MEGAHERBS BIOEXTREME CHARGED UNDER THE COMPANIES ACT 1965 FOR OFFERING ILLEGAL INVESTMENT SCHEME TO THE PUBLIC

Wednesday, 6th February 2013 – Zubir Bin Yahya ('Zubir'), a business advisor of Megaherbs Bioextreme was charged at Kuala Lumpur Sessions Court today for committing an offence under section 91(1) of the Companies Act 1965 ('CA 1965').

The offences charged were in relation to the offering of an investment scheme known as 'Rakan Niaga Kontrak Stevia' which collected monies from the members of the public.

Section 91(1) CA 1965 prohibits a person from offering an interest to the public without an approved trust deed. The said offence carries a maximum penalty of five years imprisonment or fine of RM100,000.00 or both.

Zubir also faced a charge under section 363(3) CA 1965 in relation to the Stevia investment scheme. The offence under section 363(3) CA 1965 carries a maximum penalty of ten years imprisonment or fine of RM250,000.00.

The Sessions Court Judge, Dato' Rozana Ali Yusoff released Zubir on RM25,000.00 bail with one surety. The case is now fixed for mention on 12 March 2013.

En. Mohd Zulkhairi Kamaruzaman and En. Nik Zunaidi Zakaria prosecuted on behalf of SSM while Zubir was unrepresented at the time of charging.

The aforesaid prosecution action demonstrates SSM's continuous effort to protect the public from illegal and unregistered investment schemes in Malaysia. At the same time, SSM would like to advice the member of the public to be more careful and vigilant when investing their monies in investment schemes which promise high and quick return.

ISSUED BY : SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
DATED : 6th FEBRUARY 2013.

PENGANJUR SKIM PELABURAN STEVIA DIDAKWA DI MAHKAMAH SESYEN KUALA LUMPUR KERANA MELANGGAR AKTA SYARIKAT 1965

RABU, 6 Februari 2013 – Zubir Bin Yahya ('Zubir'), seorang perunding perniagaan bagi syarikat Megaherbs Bioextreme telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada hari ini kerana melakukan kesalahan di bawah seksyen 91(1) Akta Syarikat 1965 ('AS 1965').

Pertuduhan yang dikenakan terhadap beliau ialah berkaitan satu penawaran skim pelaburan kepada orang awam yang dikenali dengan nama 'Rakan Niaga Kontrak Stevia'.

Seksyen 91(1) AS 1965 melarang individu daripada membuat penawaran kepada orang awam untuk membeli kepentingan tanpa surat ikatan amanah (approved trust deed) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM'). Jika sabit kesalahan, beliau boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum 5 tahun atau denda RM100,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Pada hari yang sama, Zubir juga telah dituduh dengan satu lagi pertuduhan di bawah seksyen 363(3) AS 1965. Pertuduhan tersebut juga ialah berkaitan dengan penganjuran skim pelaburan stevia di atas. Kesalahan di bawah seksyen 363(3) AS 1965 membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM250,000.00.

Dato' Rozana Ali Yusoff, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membenarkan Zubir dilepaskan dengan ikat jamin RM25,000.00 dengan seorang penjamin. Kes kini ditetapkan untuk sebutan pada 12 Mac 2013.

En. Mohd Zulkhairi Kamaruzaman dan En. Nik Zunaidi Zakaria hadir bagi pihak pendakwaan. Manakala Zubir tidak diwakili oleh peguam sewaktu prosiding di Mahkamah pada hari ini.

Tindakan pendakwaan di atas jelas menunjukkan usaha SSM dalam mengekang aktiviti penawaran pelaburan haram atau skim pelaburan yang tidak berdaftar yang mengutip wang pelaburan daripada orang awam. SSM ingin menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati dalam membuat pelaburan dalam skim-skim pelaburan yang menawarkan pulangan yang tinggi dalam tempoh masa yang singkat.

DIKELUARKAN OLEH : SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
TARIKH : 6 FEBRUARI 2013

KPDNKK

myGovernment

myGovernment
The Malaysia Government's Official Portal